

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Pengkalan Chepa]**

SOALAN : 28

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan serta elaun yang diberikan kepada Jawatankuasa Reformasi Pilihan Raya. Apakah aktiviti yang telah dijalankan sehingga kini.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau singkatannya ERC telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji pelaksanaan pilihan raya sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkemaskan pelaksanaannya. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan di masa-masa akan datang adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible* serta mendapat kepercayaan awam.

2. ERC diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan sebuah laporan yang mengandungi cadangan-cadangan reformasi pilihan raya. Cadangan ini akan mengandungi rekomendasi tentang sistem, cadangan proses dan cadangan pindaan undang-undang pilihan raya.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah senarai program yang dirancang untuk tahun 2019 oleh ERC:

- a. **Sesi libat urus di seluruh negara** bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan rakyat.

Program ini dilaksanakan mengikut pembahagian zon dan melibatkan kelompok NGO, para akademia, pelajar universiti dan juga mengalakkan penyertaan daripada orang awam.

Setakat ini, beberapa sesi libat urus telah diadakan iaitu :

- I. 12 Februari 2019 di Ibu Pejabat ERC di Putrajaya
- II. 21 Februari 2019 di Dewan Serbaguna Menara Usahawan, Putrajaya,
- III. 6 Mac 2019 di Universiti Utara Malaysia, Kedah

- IV. 12 Mac di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- V. Beberapa lagi sesi libat urus yang telah dirancang akan dilaksanakan mengikut zon seperti di Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak.

b) ERC turut bercadang mengadakan **sesi pertemuan secara khusus dengan kumpulan sasaran** seperti parti-parti politik, golongan orang kurang upaya dan sebagainya.

c) ERC bercadang untuk **menyediakan Laporan Awal (*interim report*)** yang dijadualkan untuk diserahkan kepada Kerajaan pada Disember 2019.

d) ERC turut mengadakan **perbincangan-perbincangan dengan pelbagai pihak bagi menyelaraskan isu dasar dan teknikal berkaitan pilihan raya.**

e) ERC turut menjalankan **kajian perbandingan pelaksanaan pilihan raya dengan negara-negara** lain seperti United Kingdom, Australia, Kanada, Jerman, Indonesia dan sebagainya.

f) ERC turut bertindak mendapatkan bantuan daripada beberapa badan antarabangsa seperti *United Nations Development Programme* (UNDP), *International Institute for Democracy and Electoral Assistance* (International IDEA) dan *International Foundation for Electoral Systems* (IFES) yang merupakan pakar dalam sistem dan penjalanan pilihan raya di peringkat antarabangsa. Selain **bantuan khidmat nasihat, badan-badan ini turut menghulurkan bantuan dalam bentuk pembiayaan terhadap aktiviti yang dilaksanakan oleh ERC.**

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat dua (2) jenis keanggotaan dalam ERC iaitu Ahli Tetap dan Ahli Bersidang. Ahli Tetap merupakan mereka yang dilantik bagi tujuan membuat kajian secara sepenuh masa, manakala Ahli Bersidang merupakan pakar-pakar atau mereka yang berpengalaman dalam pengurusan pilihan raya yang dilantik untuk hadir memberikan pandangan dalam mesyuarat dan aktiviti

yang dilaksanakan oleh ERC. Bagi Ahli Tetap, mereka diberikan elaun dan kemudahan setara Gred 54. Manakala bagi Ahli Bersidang yang bukan penjawat awam, mereka diberikan elaun kehadiran sebanyak RM150 setiap kali hadir mesyuarat dan kemudahan setara sebagaimana termaktub dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 7.3/2013. Bagi Ahli Bersidang dalam kalangan penjawat awam, tiada sebarang elaun diberikan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ERC tidak mempunyai peruntukan yang khusus untuk menjalankan gerak kerja yang dirancang. Segala keperluan ERC untuk menjalankan program ditanggung oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sekian, terima kasih.